

ABDUL Syukor bersama produk pembasmian anal-anai mesra alam yang melayakkan mereka menerima anugerah khas pada International Technology, Innovation and Invention Exhibition (ITEIX) 2016.



99 PERATUS PENGGUNA PUAS HATI

Dipelawa pemilik ladang gaharu di Assam, India untuk buktikan keberkesanan produk PISOPTERA

NOVASI

DARI MUKA 1

Katanya, produk itu digunakan dengan cara menanam tiub PISOPTERA ke dalam tanah sedalam 0.31 meter dengan jarak tiga meter setiap satu selepas mengenal pasti kawasan terdapat anai-anai termasuk sarangnya di sekeliling rumah serta bangunan.

"Bagi anal-anai yang berada dalam 'kediaman', tiub PISOPTERA boleh diletakkan di atas siling dan di laluan serangga berkenaan bagi menarik perhatiannya untuk makan, dalam masa tiga hari saja perasak sentiasa aktif itu akan berkurangan secara berperingkat.

"Produk PISOPTERA tidak membahayakan manusia kerana tidak mengeluarkan bau, tandan buah kelapa sawit yang dilarikan menjadi tarikan atau umpan kepada anal-anai untuk makan," katanya.

Katanya, produk PISOPTERA dikelirakan dan dipasarkan sepenuhnya syarikat UMP Ecopest Sdn Bhd iaitu anak syarikat milik UMP menggunakan 24 kakitangan beroperasi di pusat komersial bandar Gambang, Kuantan.

"Soal selidik dilakukan mendapati 99 peratus



UMPM tiruan anal-anai menggunakan tandan buah kosong kelapa sawit.

pihak yang menggunakan PISOPTERA terdiri daripada jabatan kerajaan, swasta dan individu berpuas hati dengan keberkesannya dalam menghapuskan anal-anai.

Produk mesra alam dan teknologi hijau menjadi kelebihan pada umpan anai-anai ini.



besar kepada petani, meningkat," katanya.

Menurutnya, produk itu dijual antara RM1,800 hingga RM5,000 bergantung kepada saiz kawasan ancaman anal-anai dengan beberapa pakej turut disediakan selain perkhidmatan selepas jualan selama enam bulan. Jaminan selama dua tahun turut ditawarkan kepada pelanggan.

"Tumpuan pasaran kini membabitkan beberapa negara seperti India, Sri Lanka, Bangladesh, Korea dan Indonesia yang terkenal dengan aktiviti pertanian kerana anai-anai banyak menyerang kawasan tanaman hingga menyebabkan kerugian

"Pemilik ladang gaharu di Assam, India, memelawa kami membuktikan produk PISOPTERA dan tahun depan kita akan ke sana untuk melakukan percubaan, jika berjaya projek yang lebih besar menanti," katanya yang kini menunggu kelulusan permohonan sijil ISO 9001 dan ISO 4001.

Abdul Syukor yang juga Pengarah Urusan UMP Ecopest berkata, kejayaan merangkul 12 anugerah peringkat kebangsaan dan 14 anugerah antarabangsa meletakkan UMP sebagai universiti pertama merangkul anugerah tertinggi negara. -Mohd Rafi Mamat

BASMI ANAI-ANAI CARA MESRA ALAM

HARIAN METRO (AGRO) 3/11/17
(JUMMART) M/S 1, 4

Produk mesra alam dan teknologi hijau menjadi kelebihan pada umpan tiruan anal-anai dihasilkan daripada tandan buah kosong kelapa sawit pertama di negara ini oleh Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan nama komersialnya PISOPTERA.

Dalam masa tiga hingga 14 hari selepas produk itu digunakan, serangga perasak berkumpul yang berada dalam tanah atau sarang musnah secara berperingkat.

Pensyarah bidang Kejuruteraan Alam Sekitar UMP Abdul Syukor Abd

Razak berkata, individu bertanggungjawab menghasilkan PISOPTERA berkata beliau mengambil masa selama 12 tahun melakukan penyelidikan untuk menghasilkan inovasi umpan tiruan itu yang tidak pernah terfikir sebelum ini.

Beliau berkata, beberapa proses perlu dilakukan bagi menghasilkan produk mesra alam itu yang kini semakin mendapat tempat dalam negara berikutan keberkesannya hingga mampu menandingi beberapa jenama racun serangga import.

